



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

5 JULAI 2021

MENGENAI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Peralihan Fasa bagi Negeri Pulau Pinang

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri hari ini telah meneliti pembentangan peralihan fasa bagi negeri-negeri di bawah Pelan Pemulihan Negara.

Setelah meneliti nilai-nilai ambang atau threshold negeri, Sidang Khas MKN bersetuju peralihan negeri Pulau Pinang ke fasa seterusnya iaitu fasa dua.

Peralihan fasa negeri Pulau Pinang berikutan pencapaian nilai ambang tiga indikator utama iaitu:

Purata kes jangkitan harian selama 7 hari di bawah nilai ambang 12.2 kes per 100 ribu iaitu 9.5 kes per 100 ribu

Kadar penggunaan katil wad ICU mencapai tahap sederhana (moderate) dan penilaian Capacity to Respond yang berada pada tahap adequate

Kadar vaksinasi lengkap dua dos ke atas populasi dewasa melebihi 10% iaitu pada kadar 10.1%.

Berdasarkan tiga indikator ini dan penilaian terperinci agensi-agensi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan peralihan fasa PPN bagi negeri Pulau Pinang berkuat kuasa 7 Julai 2021.

Bagi negeri-negeri yang telah berjaya beralih ke fasa 2, adalah dinasihatkan untuk teruskan usaha melindungi komuniti anda daripada jangkitan COVID-19 dan tingkatkan prestasi negeri masing-masing supaya dapat beralih ke fasa seterusnya. Ini akan membantu untuk mempercepatkan proses pemulihan sektor-sektor ekonomi dan sosial di negeri-negeri yang berkenaan.

Pengoperasian Kedai Runcit/Kedai Serbaneka/Pasaraya/Pasar Mini

Majlis keselamatan Negara (MKN) sebelum ini telah memutuskan semua jenis barang dagangan di kedai runcit, kedai serbaneka, pasaraya serta pasar mini boleh dijual kepada pelanggan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara ketika ini.

Ini berikutan terdapat kekeliruan dalam kalangan pemilik premis yang menutup sebahagian seksyen barangan di premis perniagaan mereka dan tidak dijual kepada pelanggan.

Operasi Premis Makanan

Operasi premis makanan di bagi Fasa 1 dan Fasa 2 boleh beroperasi bermula 6.00 pagi sehingga 10.00 malam seperti yang diumumkan sebelum ini.

Bagi mengelakkan kekeliruan, sekali lagi ingin ditegaskan bahawa hanya premis makanan di semua kawasan PKPD termasuk di mukim-

mukim di negeri Selangor dan beberapa lokaliti-lokaliti tertentu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja yang beroperasi bermula 8.00 pagi sehingga 8.00 malam.

Pergerakan Mendapatkan Vaksin bagi kawasan PKPD

Kerajaan turut membenarkan semua penduduk di kawasan PKPD untuk keluar bagi tujuan mendapatkan suntikan vaksin. Begitu juga, bagi mereka yang ingin pulang ke kampung untuk membawa ahli keluarga bagi mendapatkan suntikan vaksin sama ada di luar daerah atau negeri adalah dibenarkan. Mereka hanya perlu menunjukkan temujanji MySejahtera dan mendapatkan kebenaran daripada PDRM.

Bagi tujuan pergerakan mendapatkan vaksin, maksimum tiga orang dibenarkan termasuk pemandu.

Operasi KWSP

Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut memutuskan untuk membenarkan pejabat KWSP di kawasan yang dilaksanakan PKPD untuk beroperasi bermula 9.00 pagi sehingga 1.00 petang dengan kapasiti 60% kehadiran pekerja bagi menguruskan penyaluran skim-skim bantuan kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, bagi pejabat KWSP yang kecil seperti dikawasan luar bandar, jumlah pekerja dibenarkan dengan kapasiti maksimum.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 di Sektor Perkilangan dan Premis Perniagaan

Seperti yang diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mempertingkatkan penguatkuasaan secara menyeluruh dari segi pemeriksaan ke atas kilang-kilang dan premis-premis perniagaan kerana terlalu banyak pelanggaran arahan kerajaan dan SOP yang telah diwartakan.

Semalam Pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melaksanakan 88,875 pemeriksaan dan snap check COVID-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 20,065 orang.

Ia termasuk pemeriksaan ke atas 2,566 buah kilang, 16,270 premis perniagaan, 600 tapak pembinaan dan 241 asrama penempatan pekerja.

Sebanyak enam (6) kilang dan 12 premis perniagaan diarahkan tutup kerana didapati melanggar arahan kerajaan dan SOP.

PKPD Kampung Bagus, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Bagus, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 47 ujian saringan dan 23 orang penduduk di lokaliti tersebut disahkan positif COVID-19 dengan kadar positiviti 48,90%.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bagus, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan, berkuat kuasa 7 Julai sehingga 20 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM melakukan saringan, menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Baru Batu 2, Jalan Apas, Tawau Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Baru Batu 2, Jalan Apas, Tawau Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 14 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju

melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Batu 2, Jalan Apas, Tawau Sabah, berkuat kuasa 7 Julai sehingga 20 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,702 ujian saringan dan 842 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti, terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut serta masih banyak sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Penjara Sungai Udang (kecuali Kuarters Penjara), Melaka Tengah, Melaka bermula 7 Julai sehingga 20 Julai 2021.

Pelanjutan PKPD Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 89 ujian saringan dan 30 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut .

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Ejuk, Kota Belud, Sabah bermula 7 Julai sehingga 20 Julai 2021.

Pelanjutan PKPD Kwarters Pekerja Balingian Power Generation, Jalan Sibumukah, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kwarters Pekerja Balingian Power Generation, Jalan Sibumukah, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 102 ujian saringan dan 14 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut .

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kuarters Pekerja Balingian Power Generation, Jalan Sibu-Mukah, Mukah, Sarawak bermula 7 Julai sehingga 13 Julai 2021.

Pelanjutan PKPD Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Setakat ini, KKM telah melakukan 833 ujian saringan dan 29 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM juga mendapati penularan masih berlaku serta terdapat juga kes baharu direkodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Warisan, Kota Kinabalu, Sabah bermula 7 Julai sehingga 20 Julai 2021.

Penamatan PKPD Kilang Sawit Cahaya Muda, Batang Padang, Perak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang Sawit Cahaya Muda, Batang Padang, Perak yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 931 ujian saringan dan 227 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kilang Sawit Cahaya Muda, Batang Padang, Perak pada 6 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Blok 11, Kampung Titingan, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Blok 11, Kampung Titingan, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 80 ujian saringan dan 14 daripadanya disahkan positif COVID-19. Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Blok 11, Kampung Titingan, Tawau, Sabah pada 6 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Batu 7 Jalan Tinagat, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Batu 7 Jalan Tinagat, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 6 Julai 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 97 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Batu 7 Jalan Tinagat, Tawau, Sabah pada 6 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD 2 lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 13 Julai 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

- Rumah Panjang Alat anak Mukan
- Kuarters Pekerja Mukah Palm Oil Mill

Setakat ini, KKM telah melakukan 278 ujian saringan dan 135 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti di Bukit Dinding, Mukah, Sarawak pada 6 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan Awal PKPD 9 Rumah Panjang Sungai Rassau, Batang Igan, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di sembilan (9) Rumah Panjang Sungai Rassau, Batang Igan, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 16 Julai 2021.

Setakat ini, KKM telah melakukan 299 ujian saringan dan 79 daripadanya disahkan positif COVID-19. KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di sembilan (9) Rumah Panjang Sungai Rassau, Batang Igan, Mukah, Sarawak pada 6 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 88,875 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,391 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,065 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 679 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 666 individu dikompaun, lapan (8) direman manakala lima (5) lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (201)
- Membawa penumpang berlebihan (119)
- Tiada penjarakan fizikal (110)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (88)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (56)
- Tidak memakai pelitup muka (53)
- Premis gagal patuhi arahan (26)
- Lain-lain (26)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 16 Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas sebuah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak lapan (8) buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui enam (6) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 1,000 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 946 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Disinfeksi COVID-19

Semalam, sebanyak 144 operasi disinfeksi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 59 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (11).

Operasi disinfeksi ini melibatkan 982 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 221 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 148 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 30,520 operasi disinfeksi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 895 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 242,273 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,382 individu telah dikuarantin dan 229,937 orang dibenarkan pulang manakala 2,954 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 849 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (666), pemborong (151) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,697 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,682 premis mematuhi SOP, 14 dikompaun manakala satu (1) diberi amaran.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 38 warga asing telah menjalani ujian saringan dan empat (4) daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 700,344 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,395 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,383 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 689,961 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

#StaySafeStayHome

#AmalkanKawalanKendiri

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**